



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	24/09/2012

## Soros mahu kuasai politik Malaysia: Dr M

BH-24/9/2012

**Kuala Lumpur:** Tun Dr Mahathir Mohamad mendakwa penyangak mata wang, George Soros mahu menguasai politik Malaysia dengan menggunakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan portal berita propembangkang bagi tujuan itu.

Bekas Perdana Menteri berkata, Soros menyalurkan dana ke negara ini bagi memastikan dapat menukarkan kerajaan dan memilih Perdana Menteri yang akan mengikut telunjuknya.

"Kita tahu dia derma ada tujuannya yang didakwa un-

tuk demokrasi dan kebebasan bersuara. Sama ada nilai liberal Barat atau Soros, dia hendak satu Perdana Menteri yang boleh digunakan.

"Disebabkan itu, dia mahu tukar kerajaan di Malaysia supaya orang yang jadi Perdana Menteri ikut telunjuk dia," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Pakar Perundingan Mengenai Islam dan Kesihatan Wanita di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas mengenai operasi Malaysia-kini serta pembabitan NGO seperti SUARAM yang terbuk-

ti menerima dana oleh penyangak mata wang Yahudi itu.

Sabtu lalu, wartawan veteran YL Chong yang meletak jawatan sebagai editor berita Malaysiakini lebih sedekad lalu mendakwa portal propembangkang itu dan SUARAM antara organisasi yang menerima dana asing.

Terdahulu, dalam ucapannya, Dr Mahathir menyeru umat Islam kembali dan mengamalkan ajaran Islam sebenar dengan menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup sekiranya mahu berjaya di du-

nia dan akhirat.

Beliau berkata, kebanyakan kes jenayah dan masalah sosial meningkat membabitkan umat Islam di negara berikutan mereka tidak mengamalkan ajaran Islam dan terlalu bebas untuk berbuat apa saja.

"Jadi, sudah tiba masanya kita kembali ke pangkal jalan dan menjadikan al-Quran itu sebagai panduan. Kita menjadi semakin lemah kerana ramai yang gagal memahami dan melaksanakan tanggungjawab sebagai Islam," katanya.